

15 MAY 2002

Mahathir-Majlis/I

DR MAHATHIR JAMIN PELABURAN AMERIKA DI MALAYSIA

Oleh: Jaafar Hussin

WASHINGTON, 15 Mei (Bernama) - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memberi jaminan kepada Amerika Syarikat bahawa pelaburannya di Malaysia bukan sahaja selamat dan terjamin tetapi juga akan terus membawa pulangan yang baik.

Sambil menyifatkan ekonomi dan suasana perniagaan Malaysia sekarang sebagai cemerlang, Perdana Menteri berkata beliau berharap pelabur Amerika akan terus menunjukkan keyakinan mereka terhadap Malaysia dengan pelaburan yang baru dan lebih besar.

Meskipun dengan kejayaan ekonomi ini, Malaysia tidak akan berhenti daripada terus mencuba mencapai kejayaan selanjutnya dan akan sebaliknya berusaha keras untuk meraih kejayaan yang lebih baik, katanya pada majlis makan malam Majlis Perniagaan AS-Asean di sini pada Selasa.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan berkata usaha itu akan dapat dicapai dengan membangunkan secara agresif sektor perbankan, kewangan dan korporat serta melaksanakan pembaharuan kewangan baru bagi mencapai ketelusan dan pertanggungjawapan yang lebih baik.

Pada masa yang sama, undang-undang korporat dan sekuriti menjalani pembaharuan untuk meningkatkan tadbir urus korporat serta menjamin ketelusan dalam pasaran modal Malaysia.

"Kerajaan kami komited sepenuhnya kepada penswastaan, penyusunan semula dan pembaharuan. Kami komited kepada pemodenan dan pertumbuhan berterusan," katanya.

Perdana Menteri berkata pelaburan AS di Malaysia berkembang dengan konsisten dan AS kekal sebagai sumber terbesar pelaburan langsung asing sejak beberapa tahun lalu dengan nilai berjumlah AS\$10.5 bilion pada 2001 (RM39.9 bilion).

Beliau berkata lebih 30 syarikat Fortune 500 kini beroperasi di Malaysia.

Menurutnya, Malaysia terus berjaya menarik jumlah pelaburan langsung asing yang besar meskipun berdepan persaingan sengit di seluruh dunia.

Pelaburan asing dalam sektor pembuatan sejak tempoh lima tahun dari 1997-2001 berjumlah AS\$19.7 bilion (RM74.86 bilion) dengan sumber utama datang dari AS, Jepun, Kesatuan Eropah, Singapura dan Taiwan.

Syarikat-syarikat Amerika berasa selesa berada di Malaysia dengan suasana perniagaan yang selamat, terjamin dan sangat positif dan, "keuntungan terutamanya bagi firma AS adalah begitu tinggi."

"Kami tidak iri hati dengan apa yang anda capai. Bagi kami, keuntungan bukan satu dosa dan anda dialu-alukan untuk mendapatkannya," katanya.

Beralih kepada Asean, Perdana Menteri berkata perkumpulan serantau itu kini mempunyai lokasi pelaburan yang baik dan semakin bertambah baik setiap masa.

Beliau turut menggesa firma-firma Amerika melabur di negara-negara lain di Asean kerana ia akan menjadi pusat kegiatan serantau bagi rantau ekonomi yang semakin penting di dunia.

Sambil menyatakan Malaysia telah lama mengamalkan prinsip "memakmurkan jiran", beliau berkata tiada apa yang dapat menyumbang kepada kestabilan jiran Malaysia dan rantau ini secara keseluruhannya melainkan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi mereka.

Dr Mahathir berkata ketika AS dan Malaysia tidak lagi berdepan dengan fahaman komunis militan, kedua-dua negara kini perlu mengekang satu lagi ancaman hampir sama yang memberi cabaran lebih besar -- keganasan.

Beliau berkata Malaysia tidak bertolak ansur dengan pegganas sama ada mereka berjuang untuk sesuatu yang mulia ataupun tidak.

"Ini adalah tindakan ganas dan sesiapa sahaja yanag terlibat perlu dianggap sebagai pegganas oleh sesiapa sahaja tanpa mengira sebab yang mereka perjuangkan, tanpa mengira agama, bangsa atau kepercayaan mereka," katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata tiada bangsa atau agama yang berhak dikutuk atau dibezakan hanya kerana sesetengah pihak daripada bangsa mereka atau berpegang pada agama yang sama terlibat dalam kegiatan keganasan.

Dr Mahathir berkata Presiden George W.Bush mengakui sokongan Malaysia dalam usaha menentang keganasan ketika pertemuan bersemuka mereka semasa mesyuarat Apec di Shanghai Oktober lalu dan sekali lagi dalam pertemuan mereka di White House pada Selasa lalu.

"Kami berbincang secara bersemuka isu penting tentang keganasan ini dan Amerika Syarikat boleh berharap kepada sokongan berterusan Malaysia dalam menentang keganasan," katanya.

-- BERNAMA

JH MR SHY ZK NMO